

**PEMBANGUNAN MODUL AKTIVITI AIR
UNTUK GURU PENDIDIKAN KHAS DI
PULAU PINANG**

NUR AMALINA BINTI SAMSUDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**PEMBANGUNAN MODUL AKTIVITI AIR
UNTUK GURU PENDIDIKAN KHAS DI
PULAU PINANG**

oleh

NUR AMALINA BINTI SAMSUDIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2023

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia Utama saya, Professor Madya Dr Aznan Che Ahmad diatas bimbingan dan seliaan beliau dari hari pertama saya melanjutkan pelajaran sehingga ke tahap ini, begitu juga kepada Professor Madya Ahmad Tajuddin bin Othman selaku Penyelia Bersama sepanjang penyediaan tesis ini. Perjalanan melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah ini amat sunyi, namun saya bertuah kerana suami dan anak sentiasa di sisi. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada suami tercinta, Muhammad Mohibbuddin bin Sahul Hamid diatas keizinannya untuk saya melanjutkan pelajaran dan tidak pernah menghalang saya untuk 'terbang lebih tinggi'. Terima kasih diatas semua bantuan yang sentiasa diberikan untuk menjaga dan menguruskan anak kita sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada ibunda dan ayahanda tercinta, Hjh Roziyah Mohd Din dan Hj Samsudin Ahmad yang sentiasa mendoakan anakandanya ini. Sekalung penghargaan juga buat kakak ipar saya, Professor Madya Datin Dr Shahrul Bariyah Sahul Hamid yang banyak memberikan nasihat dan bantuan kepada saya sepanjang perjalanan PhD ini. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan JPN Pulau Pinang diatas kebenaran dan penyediaan sampel untuk kajian ini. Terima kasih buat Encik Nizuwan, ahli statistik dan Dr Anies dari *Frontpagelabs* yang menjadi *proofreader*. Terima kasih buat Perpustakaan Hamzah Sendut USM yang menjadi sumber utama saya mencari bahan. Terima kasih buat semua ahli keluarga, keluarga mertua, sahabat handai dan warga JPN Pulau Pinang serta SK Bukit Gambir yang menjadi tempat saya menabur bakti sepanjang pengajian separuh masa ini. Akhir kata, buat yang teristimewa, Medina Insyirah sayang, *this one is for you*. Semoga menjadi pembakar semangat untukmu kelak duhai anak.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Penyataan Masalah.....	9
1.4 Justifikasi Keperluan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian.....	13
1.6 Persoalan Kajian.....	14
1.7 Hipotesis Kajian	15
1.8 Batasan Kajian.....	15
1.9 Kepentingan Kajian.....	16
1.9.1 Latar belakang Kategori Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	16
1.9.2 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (Pembelajaran).....	16
1.9.3 Guru Pendidikan Khas (Pembelajaran).....	17
1.9.4 Komuniti.....	18
1.10 Definisi Operasional.....	19
1.10.1 Guru Pendidikan Khas (GPK).....	19

1.10.2	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (Pembelajaran).....	20
1.10.3	Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).....	21
1.10.4	Aktiviti Air	21
1.10.5	Keyakinan Diri	21
1.10.6	Pengetahuan	22
1.10.7	Kebolehgunaan Modul	23
1.10.8	Modul Aktiviti Air - Aquaexplorers.....	23
1.11	Rumusan.....	24
BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....		25
2.1	Pendahuluan	25
2.2	Pengenalan Pendidikan Khas	25
2.2.1	Latar belakang Kategori Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.....	25
2.2.2	Pendekatan untuk MBPK (Pembelajaran) dalam Aktiviti Air	26
2.2.3	Pengetahuan dan Keyakinan Guru Pendidikan Khas dalam Aktiviti Air	31
2.3	Model dan Teori Pembelajaran dalam Pendidikan Khas	36
2.3.1	Latar Belakang Model dan Teori Pembelajaran dalam Pendidikan Khas.....	36
2.3.2	Kesan Model dan Teori Pembelajaran dalam Pendidikan Khas	50
2.4	Modul Aktiviti Air dalam Pendidikan Khas.....	54
2.4.1	Latar Belakang Modul Aktiviti Air dalam Pembelajaran dan Pendidikan Khas.....	54
2.4.2	Modul Aktiviti Air dalam Pendidikan Khas di negara luar dan Malaysia	59
2.4.3	Modul Latihan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas.....	63
2.4.4	Kebolehgunaan Modul untuk Guru Pendidikan Khas.....	67
2.4.5	Kesan Aktiviti Air kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.....	67
2.5	Rumusan.....	77

BAB 3 METODOLOGI.....	80
3.1	Pendahuluan 80
3.2	Reka bentuk Kajian 80
3.2.1	Reka bentuk Kajian <i>Mixed Methods</i> 80
3.2.2	Sequential Mixed Methods..... 81
3.3	Pembolehubah Kajian 84
3.3.1	Pembolehubah Bersandar (DV) 84
3.3.2	Pembolehubah Tidak Bersandar (IV)..... 84
3.4	Populasi dan Sampel Kajian..... 85
3.4.1	Populasi Kajian 85
3.4.2	Penentuan Saiz Sampel Kajian..... 86
3.4.3	Teknik Persampelan Kajian 87
3.5	Pembangunan Instrumen Kajian 89
3.5.1	Pembangunan Instrumen Soal Selidik Kajian 89
3.5.2	Pembangunan Instrumen Temu Bual Kajian 92
3.6	Pengesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian..... 93
3.6.1	Ujian Pengesahan Instrumen Soal Selidik Kajian..... 94
3.6.2	Ujian Pengesahan Instrumen Temu bual Kajian 95
3.6.3	Kajian rintis untuk Instrumen Kajian 96
3.6.4	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik..... 100
3.6.5	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Temu bual..... 100
3.7	Pengesahan dan Kebolehpercayaan Protokol Instrumen Soal Selidik dan Temu bual..... 101
3.7.1	Pengesahan Kandungan dan Konstruk Protokol Soal Selidik dan Temu bual..... 101
3.7.2	Kebolehpercayaan Protokol Instrumen Kajian 101
3.8	Pentadbiran dan Prosedur Kajian 102
3.9	Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif 106

3.9.1	Etika dan Prosedur kutipan Data Kuantitatif.....	106
3.10	Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif.....	107
3.10.1	Etika dan prosedur kutipan Data Kualitatif.....	107
3.11	Prosedur Analisis Data Kuantitatif.....	107
3.11.1	Analisis Data Kuantitatif menggunakan SPSS.....	107
3.11.2	Analisis Data Ujian Korelasi Cohen Kappa.....	108
3.11.3	Analisis Data Frekuensi	108
3.11.4	Analisis Data Ujian T Berpasangan	108
3.12	Prosedur Analisis Data Kualitatif.....	109
3.12.1	Analisis Bertema menggunakan NVivo.....	109
3.12.2	Prosedur Analisis Bertema Menggunakan NVivo	109
3.13	Kajian Rintis Penggunaan Modul	113
3.13.1	Keputusan dan Hasil Kajian Rintis	126
3.13.2	Penambahbaikan Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi	129
3.14	Rumusan.....	130
BAB 4 PEMBINAAN MODUL AQUAEXPLORERS: PANDUAN AKTIVITI AIR UNTUK GURU PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI.....		
4.1	Pendahuluan	131
4.2	Penggunaan Model ADDIE dalam pembinaan Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi	131
4.2.1	Analisa (Analyse).....	133
4.2.2	Reka bentuk (<i>Design</i>).....	136
4.2.3	Pembangunan (Development)	137
4.2.4	Perlaksanaan (Implementation).....	176
4.2.5	Penilaian (Evaluation).....	186
4.3	Rumusan.....	188

BAB 5 DATA ANALISIS MENGIKUT FASA KAJIAN	190
5.1	Pendahuluan 190
5.2	Data Analisis: Fasa Analisis..... 190
5.2.1	Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti keperluan mewujudkan Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi 190
5.2.2	Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air kepada MBPK (Pembelajaran) sebelum kajian dijalankan 194
5.3	Data Analisis: Fasa Rekabentuk Modul dan Pembangunan..... 202
5.3.1	Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti isi kandungan yang sesuai untuk Modul Aquaexplorers Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi 202
5.4	Data Analisis: Fasa Implementasi dan Penilaian 209
5.4.1	Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti kebolegunaan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas untuk Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air..... 209
5.4.2	Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti kesan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas terhadap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air 213
5.4.3	Analisis Data Kualitatif bagi mengenal pasti kesan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas terhadap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas dalam aktiviti air. 221
5.5	Rumusan..... 239
BAB 6 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN	241
6.1	Pendahuluan 241
6.2	Perbincangan hasil dapatan kajian 241
6.2.1	Perbincangan Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti keperluan mewujudkan Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi..... 241
6.2.2	Perbincangan Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas

	dalam aktiviti air kepada MBPK (Pembelajaran) sebelum kajian dijalankan	244
6.2.3	Perbincangan Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti isi kandungan yang sesuai untuk Modul Aquaexplorers Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi.....	248
6.2.4	Perbincangan Analisis Data Kuantitatif bagi Mengenal Pasti Kebolegunaan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas untuk Guru Pendidikan Khas dalam Mengendalikan Aktiviti Air	251
6.2.5	Perbincangan Analisis Data Kuantitatif bagi mengenal pasti kesan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas terhadap Pengetahuan dan Keyakinan Diri Guru Pendidikan Khas dalam Mengendalikan Aktiviti Air	255
6.2.6	Perbincangan Analisis Data Kualitatif bagi Mengenal Pasti Kesan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas terhadap Pengetahuan dan Keyakinan Diri Guru Pendidikan Khas dalam Aktiviti Air	263
6.3	Kekuatan dan Kelemahan Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi	265
6.4	Implikasi Kajian	269
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan Pada Masa Depan	271
6.6	Rumusan.....	273
	RUJUKAN	280

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Teori Pendekatan dan Model untuk MBPK (Pembelajaran).....48
Jadual 3.1	Bahagian dan Elemen Instrumen Kajian (Soal Selidik).....91
Jadual 3.2	Maklumat Pakar yang dilantik untuk Pengesahan Instrumen Kajian93
Jadual 3.3	Soalan Temubual kajian Semasa Kajian Rintis99
Jadual 3.4	Model Halliwick 10 Mata oleh Vaščáková <i>et al.</i> (2015..... 114
Jadual 3.5	Interaksi Satu dalam Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi 117
Jadual 3.6	Interaksi dua dalam Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi 119
Jadual 3.7	Interaksi Tiga dalam Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi 120
Jadual 3.8	Interaksi Empat dalam Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi 122
Jadual 3.9	Interaksi Lima dalam Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Integrasi 123
Jadual 4.1	Gabungan Dokumen dalam Pembangunan Modul Aquaexplorers.. 137
Jadual 4.2	Interaksi Satu dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu 144
Jadual 4.3	Interaksi dua dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas terbaharu 148
Jadual 4.4	Interaksi Tiga dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu 151
Jadual 4.5	Interaksi Empat dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu 154

Jadual 4.6	Interaksi Lima dalam Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu	158
Jadual 4.7	Interaksi Enam dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu	160
Jadual 4.8	Interaksi Tujuh dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu	163
Jadual 4.9	Interaksi Tujuh dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu	166
Jadual 4.10	Interaksi Sembilan dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu	170
Jadual 4.11	Interaksi Sepuluh dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas Terbaharu	173
Jadual 4.12	Jadual Kursus Training of Trainers Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas.....	177
Jadual 5.1	Jadual Kekekapan Tinjauan Aktiviti Terapi PPKI Pulau Pinang bagi Fasa Analisis Keperluan Kajian	192
Jadual 5.2	Jadual Demografi Frekuensi kajian (N = 120).....	195
Jadual 5.3	Jadual Kekekapan Tahap Pengetahuan dan Keyakinan Diri (Pra dan Pasca) Guru Pendidikan Khas dalam Pengendalian Aktiviti Air kepada MBPK (Pembelajaran)	195
Jadual 5.4	Jadual (Min, Sisihan piawai, Mod dan Median) Tahap Pengetahuan dan Keyakinan Diri Guru Pendidikan Khas Sebelum Intervensi Kajian Dijalankan.....	200
Jadual 5.5	Jadual Maklumbalas Persetujuan Pakar Terhadap Item dalam Interaksi Modul Aquaexplorers)	203
Jadual 5.6	Hasil Analisis Data Korelasi Cohen Kappa daripada SPSS.....	209
Jadual 5.7	Jadual Kekekapan Kebolegunaan Modul Aquaexplorers: Panduan Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas dalam Mengendalikan Aktiviti Air (Pra dan Pasca Intervensi)	210

Jadual 5.8	Jadual Kekerapan Tahap Pengetahuan (Pra dan Pasca implementasi) Guru Pendidikan Khas dalam Aktiviti Air kepada MBPK (Pembelajaran).....	214
Jadual 5.9	Perbezaan Purata Antara Tahap Pengetahuan (Pra dan Pasca Intervensi) Guru Pendidikan Khas dalam Mengendalikan Aktiviti Air kepada MBPK (Pembelajaran)	216
Jadual 5.10	Jadual Kekerapan Tahap Keyakinan Diri (Pra dan Pasca implementasi) Guru Pendidikan Khas dalam Aktiviti Air kepada MBPK (Pembelajaran).....	217
Jadual 5.11	Perbezaan Purata Antara Tahap Keyakinan Diri (Pra dan Pasca intervensi) Guru Pendidikan Khas dalam Mengendalikan Aktiviti Air untuk MBPK (Pembelajaran).....	220
Jadual 5.12	Pemilihan dan Pengekodan Sampel Temu Bual Mengikut Kumpulan Kajian	222
Jadual 5.13	Soalan Temu Bual Bagi Kutipan Data Kualitatif.....	224
Jadual 5.14	Jadual Pengkodan dapatan Temu Bual bagi Soalan 1- Apakah Pendapat Anda Tentang Objektif yang Terdapat dalam Modul Aquaexplorers?	225
Jadual 5.15	Jadual Pengkodan Dapatan Temu Bual bagi Soalan 2- Apakah Pendapat Anda Tentang Isi Kandungan (Fokus) Yang Terdapat Dalam Modul Aquaexplorers?	227
Jadual 5.16	Jadual Pengkodan dapatan Temu Bual bagi Soalan 3- Apakah Pendapat Anda Tentang Aktiviti Yang Terdapat Dalam Modul Aquaexplorers?	228
Jadual 5.17	Jadual Pengkodan dapatan Temu Bual bagi Soalan 4- Apakah Pendapat Anda Tentang Arahan Semasa Implementasi Modul Aquaexplorers?	229
Jadual 5.18	Pengkodan Dapatan Temu Bual bagi Soalan 5- Apakah Pendapat Anda Tentang Ilustrasi Yang Terdapat dalam Modul Aquaexplorers?	230

Jadual 5.19	Jadual Pengkodan Dapatan Temu Bual bagi Soalan 6- Apakah Pendapat Anda Tentang Kebolegunaan Modul Aquaexplorers kepada Guru Pendidikan Khas Integrasi?	231
Jadual 5.20	Jadual Pengkodan Dapatan Temu Bual bagi Soalan 7- Pada Pendapat Anda, Apakah Penggunaan Modul Aquaexplorers Telah Berjaya Meningkatkan Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Semasa Menjalankan Aktiviti Air?	232
Jadual 5.21	Jadual Pengkodan Dapatan Temu Bual bagi Soalan 8- Pada Pendapat Anda, Apakah Penggunaan Modul Aquaexplorers Telah Berjaya Meningkatkan Keyakinan Diri Guru Pendidikan Khas Semasa Menjalankan Aktiviti Air?	233
Jadual 5.22	Jadual Pengkodan Dapatan Temu Bual bagi Soalan 9- Pada Pendapat Anda, Apakah Kesan Penggunaan Modul Aquaexplorers Kepada MBPK (Pembelajaran) Semasa Menjalankan Aktiviti?.....	234
Jadual 5.23	Jadual Pengkodan Dapatan Temu Bual Bagi Soalan 10- Adakah Anda Menghadapi Sebarang Masalah Semasa Menggunakan Modul Aquaexplorers Kepada MBPK (Pembelajaran) Untuk Menjalankan Menjalankan Aktiviti Air? Jika Ya, Sila Nyatakan Apakah Masalah Yang Anda Hadapi?	235
Jadual 5.24	Jadual Pengkodan Dapatan Temu Bual Bagi Soalan 11- Apakah Penambahbaikan Yang Boleh Dibuat Dalam Modul Aquaexplorers Ini?	236

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Kerangka Teori Kajian.....	47
Rajah 4.1 Model ADDIE.....	132
Rajah 4.2 Kerangka Kerja Kajian.....	132

SENARAI SINGKATAN

ADHD	Attention Deficit Hyperactivity Disorder
ASD	Autism Spectrum Disorder
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
GPK	Guru Pendidikan Khas
IDEA	Individual with Disabilities Education Act
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LLC	Literacy Learning Cohorts
MBPK	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
OKU	Orang Kelainan Upaya
PLBD	Pembelajaran Luar Bilik Darjah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SO	Special Olympic
SPSS	Statistical Package for the Social Science
WESP	Water Exercise Swimming Program
WOTA2	Water Orientation Test ALYN-2
CPR	<i>Cardiopulmonary Resuscitation</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kelulusan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia
Lampiran B	Surat Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia USM
Lampiran C	Instrumen Kajian- Pra Kajian
Lampiran D	Instrumen Kajian- Pasca Kajian
Lampiran E	Soalan Temu bual Kajian
Lampiran F	Borang Maklumat Kajian
Lampiran G	Borang Keizinan Peserta
Lampiran H	Borang Keizinan bagi Penerbitan Bahan yang berkaitan dengan Peserta Kajian
Lampiran I	Analisis & Tinjauan Aktiviti/Terapi Air di PPKI Pulau Pinang Tahun 2020
Lampiran J	Surat Lantikan Pakar untuk kesahan instrumen Kajian

**PEMBANGUNAN MODUL AKTIVITI AIR UNTUK GURU
PENDIDIKAN KHAS DI PULAU PINANG**

ABSTRAK

Aktiviti akuatik seperti berenang dan hidroterapi adalah aktiviti yang kerap dijalankan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Pulau Pinang, namun kurang modul spesifik diterbitkan untuk guru menyebabkan pengendalian aktiviti ini tidak sistematik. Terdapat dua hipotesis nol dan lima objektif kajian iaitu mengenal pasti keperluan pembangunan modul untuk aktiviti air di PPKI, mengenalpasti tahap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas Integrasi (GPK) sebelum implementasi modul, mengenal pasti dan merangka isi kandungan yang sesuai, mengenal pasti kebolehgunaannya dan mengenal pasti kesan pelaksanaan Modul AquaExplorers ke atas pengetahuan dan keyakinan diri GPK di Pulau Pinang. Penyelidikan kaedah campuran ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dan mengumpul data kuantitatif melalui soal selidik untuk menjawab kesemua persoalan kajian, dan data kualitatif melalui temu bual untuk memperkukuh analisis data dalam objektif kelima. Data kuantitatif dianalisis menggunakan teknik frekuensi, ujian korelasi Cohen Kappa dan ujian t berpasangan dari SPSS dan data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik di NVivo. Kajian ini menolak kedua-dua hipotesis nol dan menunjukkan kesan positif dalam semua objektif kajian yang lain. Pelaksanaan modul AquaExplorer dengan arahan, objektif, dan aktiviti yang sesuai dapat meningkatkan pengetahuan dan keyakinan GPK dalam mengendalikan aktiviti air. Implikasi kajian boleh dijadikan tumpuan kepada kesan implementasi modul ini terhadap kemahiran sosial, emosi, motor dan komunikasi MBPK (Pembelajaran).

DEVELOPMENT OF WATER ACTIVITIES MODULE FOR SPECIAL EDUCATION TEACHERS IN PENANG

ABSTRACT

Aquatic activities such as swimming and hydrotherapy are activities that are often carried out in the Integrated Special Education Program (PPKI) in Penang, but there are insufficient modules published for teachers, causing the handling of these activities to be unsystematic. There are two null hypotheses and five research objectives which are to identify the need for module development for water activities at PPKI, identify the level of knowledge and self-confidence of Integrated Special Education Teachers (GPK) before the implementation of the module, identify and drafting suitable content, identify its usability and identify the impact the implementation of the AquaExplorers Module on the knowledge and self-confidence of GPK in Penang. This mixed method research using purposive sampling to collect quantitative data through questionnaires and answer all research questions, then qualitative data through interviews to strengthen data analysis in the fifth objective. Quantitative data was analyzed using frequency techniques, Cohen Kappa correlation test and paired t test from SPSS and qualitative data was analyzed using thematic analysis in NVivo. This study rejects both null hypotheses and shows a positive effect in all other study objectives. The implementation of the AquaExplorer module with appropriate instructions, objectives, and activities can increase GPK's knowledge and confidence in handling water activities. The implications of the study can be focused on the effect of the implementation of this module on the social, emotional, motor and communication skills of students with special educational needs (learning disability).

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Program Pendidikan Khas merupakan pengajaran yang ditubuhkan bagi memenuhi keperluan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) (Mohamed, 2005). Program Pendidikan Khas dibentuk dengan unik dan mempunyai teknik pelaksanaan yang tersendiri. Proses pengajaran dan pembelajarannya dirancang dan dijalankan secara teratur serta diuji keberkesannya bagi memastikan ianya dapat menyediakan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (Pembelajaran) mendapat kemahiran berdikari yang tinggi dan berjaya dalam hidup (Mohamed, 2005). Program Pendidikan Khas merupakan satu program yang unik kerana program ini melibatkan proses PdPc yang fleksibel mengikut kesesuaian Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (Pembelajaran) yang belajar di dalamnya.

Program Pendidikan Khas di Malaysia bermula pada tahun tahun 1962 dengan penubuhan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) (Rancangan Percantuman) bagi pendidikan kanak-kanak kurang upaya penglihatan di beberapa sekolah rendah dan sekolah menengah yang terpilih (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pada tahun 1963, program ini mula berkembang dengan pembukaan kelas-kelas pendidikan khas Rancangan Percantuman kurang upaya pendengaran di sekolah rendah dan sekolah menengah. Pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memulakan kelas perintis bagi murid-murid peringkat rendah bermasalah pembelajaran dan seterusnya berkembang ke seluruh negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Sebelum ini, terdapat empat kategori MBPK (Pembelajaran) iaitu masalah penglihatan, masalah pendengaran, masalah pembelajaran dan pintar cerdas (Razhiyah, 2005). Namun pada masa kini, terdapat tiga Program Pendidikan Khas yang diperkenalkan iaitu Kelas Pendidikan Khas Penglihatan, Kelas Pendidikan Khas Pendengaran dan Kelas Pendidikan Khas Pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) merupakan program pendidikan khas yang dihadiri oleh MBPK (Pembelajaran) sahaja di kelas khas dalam sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan (Bahagian Pendidikan Khas, 2014).

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (Pembelajaran) merupakan murid yang mempunyai masalah atau ketidupayaan dalam satu atau lebih daripada proses asas psikologi yang melibatkan penggunaan atau kefahaman bahasa dan pembelajaran (Mohamed, 2005). Pelbagai masalah yang mungkin dihadapi oleh MBPK (Pembelajaran) berkaitan penguasaan bahasa dan antaranya ialah kebolehan membaca, mendengar, bertutur dan berfikir yang tidak kompeten. *The National Joint Committee on Learning disabilities* (NJCLD) (1990) pula mendefinisikan masalah pembelajaran sebagai satu kondisi ketidakupayaan pelbagai yang menyebabkan kesulitan dalam keupayaan bercakap, mendengar, menulis, membaca, membuat keputusan atau menyelesaikan masalah matematik.

Masalah ini berpunca daripada ketidakfungsian sistem saraf pusat. Antara kategori murid-murid dalam Kelas Pendidikan Khas Pembelajaran ialah Disleksia, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), *Slow Learner*, Autisme dan *Sindrom Down*.

1.2 Latar Belakang Kajian

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (Pembelajaran) seringkali dikaitkan dengan kesukaran dari segi psikologi dan neurologi terhadap gerakbalas bahasa samada lisan, tulisan, persepsi kognitif atau aktiviti psikomotor. MBPK (Pembelajaran) sebenarnya tidak berupaya untuk mengikuti kelas yang menggunakan silibus dan teknik pedagogi untuk kanak-kanak normal di aliran perdana (Ali & Sahal, 2016). Ini berpunca daripada kondisi fizikal dan kognitif yang berbeza dari kanak-kanak biasa. Jika dilihat dari segi lahiriah, MBPK (Pembelajaran) ini tidak mempunyai sebarang masalah fizikal, emosi, penglihatan, pendengaran atau kecacatan dan ini yang menyebabkan mereka sukar dikenalpasti dan dilihat sama seperti murid di aliran perdana.

Namun begitu, terdapat cara-cara yang dapat diimplimentasi bagi mengenal pasti kanak-kanak ini, salah satunya ialah dengan mengetahui ciri-ciri unik mereka. Antara ciri-ciri yang mudah untuk dikenal pasti ialah seperti pencapaian akademik yang tidak memuaskan, lemah dalam subjek matematik dan bahasa serta tidak menunjukkan minat dalam kelas. Jika diperhatikan, mereka juga hanya mampu memberi tumpuan dan fokus untuk sesuatu masa yang pendek sahaja terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dilihat sering mengantuk, melihat di persekitaran, sering lupa serta selalu malu untuk bersoal jawab walaupun mereka tidak faham (Ali & Sahal, 2016).

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) mempunyai pelbagai teknik pedagogi yang menarik dan sesuai bagi penerimaan MBPK (Pembelajaran) dan diantaranya ialah Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) yang merangkumi pelbagai aktiviti seperti lawatan sambil belajar dan aktiviti lapangan seperti aktiviti di air atau

di taman (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). PPKI sememangnya menjalankan aktiviti PLBD yang agak kerap dan kebanyakannya meliputi aktiviti di darat seperti menunggang kuda, bermain boling dan di air seperti renang (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2020). PLBD amat menarik dan perlu dijalankan untuk MBPK (Pembelajaran) yang memerlukan pendedahan kepada dunia realiti dalam pembelajaran dan aktiviti yang merangsang sensori mereka bagi memastikan proses pembelajaran berlaku secara berkesan.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sejak tahun 2000 supaya pembelajaran menjadi lebih bermakna. Garis Panduan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2005) telah menetapkan bahawa Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) adalah suatu program atau aktiviti luar bilik darjah yang terancang dan berstruktur. Aktiviti PLBD ini merupakan aktiviti yang berpusatkan murid dan bermatlamat untuk menyokong serta memperkukuh pelaksanaan kurikulum sekolah. PLBD juga merangkumi persekitaran pembelajaran yang progresif (Sulaiman *et al.*, 2011)

Objektif yang menjadi keutamaan PLBD ialah untuk mempersiapkan murid bagi mempelajari sesuatu tajuk atau konsep dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penilaian. Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) terdiri daripada tiga domain iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran (Sulaiman *et al.*, 2011). Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) juga membolehkan murid berfikir dan menguasai ilmu pengetahuan melalui pengalaman kontekstual, meningkatkan minat dan sikap murid untuk belajar dan menerapkan nilai-nilai murni serta sosialisasi dalam diri murid-murid.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) terdiri daripada tiga model iaitu Model PLBD 1, PLBD dijalankan di luar bilik darjah dalam kawasan sekolah seperti di makmal komputer, makmal sains dan taman herba. Model PLBD 2 ialah PLBD yang dijalankan berhampiran kawasan sekolah seperti kawasan kampung, luar pagar sekolah dan taman perumahan berdekatan. Model PLBD 3 sering dijalankan jauh dari kawasan sekolah seperti di perpustakaan awam, balai bomba dan kolam renang. Aktiviti air dalam Pembelajaran diluar bilik darjah (PLBD) yang dijalankan oleh Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di seluruh Malaysia menggunakan Modul PLBD 3.

Modul ini melibatkan perjalanan ke kolam renang dan dirangka serta mendapat kebenaran pihak pentadbir, PPD serta JPN. Garis Panduan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2005) telah menyatakan dengan jelas bahawa pembelajaran luar bilik darjah (PLBD) adalah suatu program atau aktiviti luar bilik darjah yang terancang dan berstruktur. Namun begitu, aktiviti air yang dijalankan oleh Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) tidak mempunyai rancangan dalam perlaksanaannya, tiada objektif bertulis dan tidak mempunyai struktur dalam perlaksanaannya.

Selain PLBD, aktiviti ko-kurikulum bagi MBPK (Pembelajaran) juga memberikan mereka peluang untuk keluar dan menjalankan aktiviti di luar bilik darjah yang berkaitan dengan aktiviti ko-kurikulum seperti mengembara bagi Kelab Rekreasi dan berenang untuk Kelab Renang. Aktiviti di darat tidaklah begitu tinggi risikonya berbanding aktiviti di air. Ini kerana aktiviti di air mempunyai risiko yang tersendiri dan boleh membawa maut jika tidak ditangani dengan baik seperti lemas semasa berenang dan tercedera di dalam kolam renang (Zakaria *et al.*, 2016). Aktiviti ko-

kurikulum yang melibatkan aktiviti air seperti Kelab Renang turut dijalankan di sekolah-sekolah yang mempunyai guru yang berkepakaran namun tidak banyak sekolah mempunyai Kelab Renang. Aktiviti Ko-kurikulum juga hanya melibatkan murid di Tahap 2 selepas waktu persekolahan dan dalam konteks kajian ini, aktiviti air atau renang dijalankan semasa PLBD iaitu termasuk dalam waktu pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan melibatkan semua MBPK di Tahap 1 dan 2.

Guru Pendidikan Khas ialah guru yang bertugas di Program Pendidikan Khas Integrasi di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang mempunyai program ini. Guru Pendidikan Khas bertanggungjawab untuk mengajar dan mendidik kanak-kanak istimewa atau di sekolah mereka dipanggil MBPK (Pembelajaran) (Mohamad & Yaacob, 2013). Guru-guru ini perlu mengajar, mendidik dan menangani kerenah MBPK yang bermasalah dalam pembelajaran, mempunyai gangguan emosi dan tingkah laku, mempunyai kekangan dalam penggunaan bahasa dan komunikasi, kekurangan dari segi fizikal dan kesihatan, bermasalah pendengaran dan penglihatan (Mohamad & Yaacob, 2013).

Antara cabaran yang perlu dilalui oleh guru-guru ini ialah untuk menyediakan MBPK (Pembelajaran) dengan kemahiran asas seperti pengurusan diri, kemahiran berkomunikasi, kemahiran mengawal tingkahlaku dan emosi serta membina keyakinan diri dan mengetengahkan potensi diri mereka. Oleh itu, Guru Pendidikan Khas ini perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran, kefahaman dan kebolehan yang mencukupi untuk berdepan dengan MBPK (Pembelajaran) ini.

Kemahiran motor asas terdiri daripada pergerakan lokomotor dan kemahiran manipulatif. Kemahiran manipulatif ialah kemahiran mengawal objek (membaling, menangkap, melantun, menendang, menarik dan menolak) manakala pergerakan lokomotor dilakukan oleh individu untuk bergerak dari satu titik ke titik lain (berjalan, berlari, melompat, menggelongsor dan merangkak). Kemahiran ini dianggap asas kerana pergerakan motor adalah asas kepada kemahiran khusus dalam sukan. Apabila kemahiran motor asas tidak diperoleh pada tempoh pertumbuhan yang sesuai, kanak - kanak terutamanya kanak-kanak berkeperluan khas mempunyai banyak kekurangan dari segi kemahiran motor asas untuk menyertai aktiviti fizikal (Sansi, Nalbant & Ozer, 2021). MBPK (Pembelajaran) merupakan individu yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal termasuk kemahiran motor (Akin & Alp, 2019) dan aktiviti renang ternyata mampu menambahbaik prestasi kemahiran motor dan koordinasi motor mereka (Silva *et al.*, 2020).

Latar belakang pengendalian aktiviti air boleh dilihat sejarahnya dari pelbagai negara dan budaya yang berbeza. Di negara Belanda, aktiviti air dikenali sebagai hidroterapi kerana mereka mempunyai juruterapi bertauliah untuk tujuan ini (Lambeck, 2006). Hidroterapi yang asalnya dijalankan di hospital sahaja mula menapak ke dalam komuniti setelah 20 tahun penggunaannya (Lambeck, 2006). Di Malaysia, aktiviti air dengan garis panduan yang spesifik kepada MBPK (Pembelajaran) belum pernah di aplikasi di Program Pendidikan Khas Integrasi. Model Halliwick 10 Mata dilihat telah mendominasi kebanyakan program aktiviti air yang dijalankan bagi golongan kelainan upaya di negara luar dan hasil bagi teknik ini juga menunjukkan kesan positif kepada pelbagai segi dalam kehidupan golongan kelainan upaya.

Oleh sebab ini, pengkaji melihat Model Halliwick 10 Mata ini sesuai digunakan sebagai asas pembentukan Modul Aquaexplorers bagi kegunaan Guru Pendidikan Khas di Pulau Pinang untuk pengendalian aktiviti air MBPK (Pembelajaran). Aktiviti air juga dilihat mempunyai elemen keyakinan diri di air dan banyak aktiviti sosialisasi sepanjang program. Aktiviti air ini dilihat mampu meningkatkan keyakinan diri MBPK (Pembelajaran) sekaligus mampu membantu mereka untuk mengadaptasikan diri mereka dalam kelas aliran perdana dan bersaing seiring dengan murid di kelas aliran perdana. Aktiviti air yang bermanfaat juga memerlukan keyakinan dan pengetahuan yang tinggi dalam kalangan Guru Pendidikan Khas yang akan mengendalikannya, maka pendedahan yang cukup kepada modul yang sesuai dan kursus pendek dilihat dapat membantu Guru Pendidikan Khas ini (Chunswan *et al.*, 2019).

1.3 Penyataan Masalah

Pelbagai aktiviti luar bilik darjah sering dijalankan di sekolah-sekolah dengan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di seluruh Pulau Pinang seperti aktiviti berkuda, aktiviti melibatkan rangsangan sensori dan aktiviti akuatik (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2020). Aktiviti akuatik sering dijalankan dengan bermain di kolam renang melalui khidmat pemerhatian pihak luar yang mempunyai sijil menyelamat keleemasan seperti Agensi Perkhidmatan Awam Malaysia (APAM) atau pihak bomba.

Pihak ini tidak mempunyai kemahiran dalam mengendalikan MBPK (Pembelajaran) dan perlu dibayar mengikut jam pada kadar yang mahal (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2020). Ini menyebabkan aktiviti akuatik ini sukar dijalankan walaupun ia sebenarnya memberi kesan yang positif dalam diri MBPK (Pembelajaran) dan seringkali dijalankan tanpa matlamat, hala tuju dan panduan akibat tiada pendedahan dan latihan kepada guru-guru dalam menjalankan aktiviti akuatik ini.

Kemahiran Guru Pendidikan Khas negeri Pulau Pinang dalam bidang aktiviti air juga berada di tahap yang amat rendah berdasarkan kutipan data oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dimana hasil kajian tinjauan mendapati, hanya 4 orang daripada 616 orang Guru Pendidikan Khas di Pulau Pinang mempunyai pengetahuan dalam kemahiran asas renang dan berkeyakinan serta mampu untuk mengendalikan aktiviti air manakala 0 daripada 616 orang Guru Pendidikan Khas di Pulau Pinang mempunyai sijil menyelamat keleemasan di air (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2020). Ini merupakan satu masalah yang besar kerana 62.5% atau lebih separuh daripada Program Pendidikan Khas Integrasi di Pulau Pinang ini

telah menjalankan aktiviti air dengan tiada guru berkepakaran, berpengetahuan dan berkeyakinan dalam mengendalikannya (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2020).

Bagi melayakkan Guru Pendidikan Khas menjalankan aktiviti air, mereka perlu mempunyai lesen menyelamat keleemasan atau *Bronze Medallion* yang dianugerahkan oleh Persatuan Penyelamat Keleemasan Malaysia (LSSM) dan hanya dengan lampiran ini, kertas kerja untuk aktiviti air akan diluluskan oleh Unit Pengurusan Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah. Aktiviti renang juga dijalankan tanpa sebarang objektif, garis panduan atau modul yang spesifik bagi peningkatan prestasi MBPK (Pembelajaran) melalui aktiviti ini (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2020). Ini telah menyebabkan kebanyakan pelajar hanya menjalankan aktiviti renang sekadar bermain air tanpa sebarang objektif bagi peningkatan prestasi yang spesifik.

Modul renang untuk MBPK (Pembelajaran) tidak banyak diterbitkan (Kraft *et al.*, 2019) sedangkan aktiviti air bagi MBPK (Pembelajaran) telah dijalankan sekian lama di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Situasi inilah yang menyebabkan aktiviti air dalam Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) seringkali dipersoal oleh ibu bapa dan pentadbiran sekolah kerana tiada hala tuju yang signifikan dapat dibuktikan melalui aktiviti ini dan tiada panduan atau modul yang digunakan sepanjang aktiviti bagi membuktikan bahawa aktiviti ini sebenarnya berobjektif, bermatlamat dan boleh dikendalikan oleh Guru Pendidikan Khas dengan baik dan selamat.

Pengendalian aktiviti air sesungguhnya memerlukan keyakinan, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang tinggi terutamanya apabila melibatkan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Pengendalian tanpa kepakaran atau pendedahan berkenaan cara mengendalikan serta risiko aktiviti akan mengundang bahaya kepada guru dan juga MBPK (Pembelajaran). Keyakinan untuk mengendalikan aktiviti air hanya akan wujud jika Guru Pendidikan Khas mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan aktiviti air. Tanpa pengetahuan tentang cara mengendalikan aktiviti air dan peluang mengendalikan aktiviti air kepada MBPK, Guru Pendidikan Khas tidak dapat menambah pengetahuan dan menimba pengalaman yang boleh membina keyakinan diri mereka dalam mengendalikan aktiviti air kepada MBPK.

Program aktiviti air yang merujuk kepada modul yang berobjektif akan dapat menyediakan GPK dengan pengetahuan dan pengalaman ini sekaligus meningkatkan kemahiran dan keyakinan mereka untuk mengendalikan MBPK (Pembelajaran) di air. Program aktiviti air juga seharusnya dijalankan dengan teratur berpandukan modul bagi memastikan aktiviti yang dijalankan mempunyai arah tuju yang positif dan membuahkan hasil, bukan hanya sekadar bermain air. Pengajaran menggunakan modul bagi membangunkan kurikulum akan menghasilkan pembelajaran yang lebih berkualiti dan produktif (Shariza, 2017). Oleh itu, bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran murid dalam aktiviti air melalui PLBD, modul yang bakal dibangunkan ini adalah relevan untuk dibangunkan bagi mencapai objektif ini.

1.4 Justifikasi Keperluan Kajian

Kajian ini merupakan titik permulaan dalam membina, membangun dan menguji satu modul berobjektif dalam kemahiran aktiviti air bagi memastikan aktiviti air yang dijalankan oleh Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dapat dikendalikan dengan baik oleh Guru Pendidikan Khas dan dapat memberikan kesan positif kepada MBPK (Pembelajaran) selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Ismail & Muhamad, 2015). Kajian ini juga diperlukan untuk membentuk dan mengaplikasi satu modul yang spesifik bagi membantu Guru Pendidikan Khas mencapai matlamat pembangunan enam domain utama intervensi pendidikan khas MBPK (Pembelajaran) iaitu kognitif, bahasa dan komunikasi, sosioemosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Kajian ini juga amat penting bagi menghasilkan modul yang mampu menyediakan Guru Pendidikan Khas untuk lebih bersedia dan berkemahiran bagi mengendalikan aktiviti air MBPK (Pembelajaran) berdasarkan kaedah analisis dokumen (Shariza, 2017) iaitu penerapan Model Halliwick 10 mata yang mengandungi 10 pecahan kemahiran di air serta pembangunan modul yang berpandukan Model ADDIE- Analisis (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksanaan (*Implementation*), dan Penilaian (*Evaluation*) (Molenda, 2003).

1.5 Objektif Kajian

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menetapkan sebanyak lima objektif kajian berpandukan persoalan kajian yang timbul dan berdasarkan kepada tiga fasa kajian:

1. Fasa Analisa:

- i. Menenal pasti keperluan mewujudkan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas
- ii. Menenal pasti tahap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air kepada MBPK (Pembelajaran) sebelum kajian dijalankan

2. Fasa Rekabentuk Modul dan Pembangunan:

- iii. Menenal pasti dan merangka isi kandungan yang sesuai untuk Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas

3. Fasa Implementasi dan Penilaian:

- iv. Menenal pasti kebolegunaan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air kepada MBPK (Pembelajaran)
- v. Menenal pasti kesan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas terhadap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air

1.6 Persoalan Kajian

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menetapkan sebanyak lima persoalan kajian berdasarkan tiga fasa kajian:

1. Fasa Analisa:

- i. Apakah keperluan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas bagi kegunaan Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air?
- ii. Apakah tahap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas dalam aktiviti air sebelum kajian dijalankan.

2. Fasa Rekabentuk Modul dan Pembangunan:

- iii. Apakah isi kandungan yang sesuai dalam Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas?

3. Fasa Implementasi dan Penilaian:

- iv. Apakah tahap kebolegunaan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas bagi Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air?
- v. Apakah kesan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas terhadap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Khas dalam aktiviti air?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap pengetahuan Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air selepas menggunakan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap keyakinan diri Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air selepas menggunakan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas dan melihat kesan penggunaannya kepada guru-Guru Pendidikan Khas Integrasi. Maka, kajian ini dijalankan dengan melibatkan Guru Pendidikan Khas sahaja. Kajian ini dijalankan dalam komuniti Pendidikan Khas kerana program Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) yang banyak melibatkan aktiviti air oleh Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2020) dan kerana ketiadaan modul yang dijadikan panduan dalam pengendalian aktiviti air MBPK (Pembelajaran) ini.

1.9 Kepentingan Kajian

1.9.1 Latar belakang Kategori Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya amat menggalakkan penglibatan murid dalam pembelajaran renang dan aktiviti air. Menurut mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee Malik, Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai perancangan dan berbincang bagi memasukkan pelajaran renang di sekolah selepas dicadangkan mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad setelah melihat peningkatan kes lemas dalam kalangan pelajar sekolah berada pada tahap yang membimbangkan (Berita Harian, 2018). MBPK (Pembelajaran) juga tidak terkecuali dalam usaha ini dan pendekatan kajian ini akan membolehkan MBPK (Pembelajaran) untuk mendapat peluang mempelajari kemahiran renang dan meningkatkan potensi diri melalui aktiviti ini selari dengan kehendak kerajaan.

Usaha ini sememangnya sejajar dengan kehendak kerajaan yang ingin mengimplementasikan kemahiran ini di sekolah dan langkah proaktif pengkaji dalam merealisasikan hasrat kerajaan ini juga merupakan satu kelebihan yang nyata buat kerajaan.

1.9.2 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (Pembelajaran)

Aktiviti air dan renang mempunyai banyak manfaat kepada murid. Menurut Rosimini (2003), aktiviti renang dapat mengurangkan simptom keterukan bagi kanak-kanak dan remaja yang menghidap penyakit asthma. Kawalan pernafasan yang dipelajari semasa mempelajari kemahiran renang telah membantu pesakit asthma mengurangkan simptom keterukan asthma yang mereka alami. Banyak kajian yang menerangkan kelebihan bersukan termasuk sukan renang kepada anak-anak mereka. Menurut kajian oleh Neely dan Holt (2014), para waris kepada murid yang bersukan

mendapati anak mereka mendapat pelbagai kelebihan dan manfaat melalui aktiviti bersukan dari segi pembentukan sahsiah, sosial, dan fizikal kerana aktiviti sukan dilihat mampu membantu mereka untuk meneroka potensi diri mereka dan membina persepsi yang positif terhadap diri mereka sendiri.

Para waris meyakini bahawa anak-anak mereka mendapat manfaat melalui inisiatif jurulatih dalam membina persekitaran yang menggalakkan pembinaan potensi diri yang positif dan ibu bapa juga turut memainkan peranan bagi mengembangkan potensi diri tersebut melalui persekitaran positif di rumah. Bagi MBPK (Pembelajaran) yang mempunyai kekurangan dari segi sosial dan fizikal, kajian ini akan dapat memberi kepentingan kepada mereka bagi memperbaiki aspek-aspek di atas.

1.9.3 Guru Pendidikan Khas (Pembelajaran)

Menurut data yang diperolehi dari Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (2020), tahap kemahiran Guru Pendidikan Khas dalam kemahiran renang berada pada tahap yang amat rendah namun mereka masih membawa MBPK (Pembelajaran) menjalankan aktiviti air saban tahun. Hal ini menyebabkan MBPK (Pembelajaran) sebenarnya menghadapi risiko semasa aktiviti dan guru juga perlu menanggung risiko yang tinggi jika berlaku sebarang kecemasan atau kejadian yang tidak diingini semasa aktiviti dijalankan.

Melalui kajian ini, pengkaji akan memberikan latihan kemahiran asas renang dan cara penggunaan modul kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Ini sekaligus memberikan kelebihan kepada guru dengan kemahiran yang mereka perlukan. Kajian ini juga telah memberikan guru pengalaman dan kemahiran untuk mengendalikan aktiviti air kepada anak-anak murid mereka dan menjimatkan

perbelanjaan mereka setiap kali menjalankan aktiviti air dimana mereka biasanya perlu mengupah jurulatih luar bagi tujuan ini.

1.9.4 Komuniti

Komuniti hari ini sering digemparkan dengan berita berkenaan insiden lemas oleh kanak-kanak dan remaja. Berita seperti ini sememangnya menimbulkan kerisauan kepada komuniti bagi melibatkan diri dengan aktiviti air terutamanya bila tiada tenaga pengajar pakar yang megendalikan aktiviti tersebut. Pada 4 Mei 2019, negara kita telah digemparkan dengan berita kanak-kanak OKU yang lemas di Kuala Ketil (Astro Awani, 2019). Kanak-kanak tersebut, Intan Nur Syiffa Aleya Musliha yang berusia 6 tahun merupakan kanak-kanak OKU hiperaktif dan bisu telah hilang pada hari Jumaat dan ditemui mati lepas pada jam 1.30 pagi keesokan harinya. Terbaharu, pada 16 November 2019, seorang lagi kanak-kanak OKU Autisme, Noor Adam Faiq Noor Azam, 11 tahun disyaki lemas apabila hilang kira-kira jam 12 tengah hari semasa bermain di kawasan Sungai Merab sebelum kasut dan seluarnya dijumpai di tebing sungai itu (Berita Harian, 2019).

Berita-berita seperti ini memberi kegusaran kepada komuniti untuk menjalankan aktiviti di air dan masyarakat yang tidak mempunyai kemahiran serta kesedaran untuk menguasai kemahiran survival di air akan menjadikan kita komuniti yang kurang aktif dan keterbelakang berbanding negara maju seperti Finland, Jepun dan Australia yang menjadikan renang salah satu matapelajaran wajib di sekolah (Malaysiakini, 2018)

1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah telah diguna pakai dalam kajian ini dan diterangkan dari segi definisi dan operasinya bagi menjelaskan makna istilah dalam penyelidikan yang dijalankan. Penerangan makna istilah tersebut adalah seperti berikut:

1.10.1 Guru Pendidikan Khas (GPK)

Guru Pendidikan Khas ialah guru yang bertugas di Program Pendidikan Khas Integrasi di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang mempunyai program ini. Guru Pendidikan Khas bertanggungjawab untuk mengajar MBPK (Pembelajaran) (Mohamad & Yaacob, 2013). Guru-guru ini perlu mengajar, mendidik dan melayani kerengah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, yang mempunyai masalah dalam pembelajaran, mempunyai gangguan emosi dan tingkah laku, mempunyai kekangan dalam penggunaan bahasa dan komunikasi, kekurangan dari segi fizikal dan kesihatan, bermasalah pendengaran dan penglihatan (Mohamad & Yaacob, 2013).

Dalam konteks kajian ini, Guru Pendidikan Khas merupakan sampel kajian yang bakal menggunakan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas kerana keperluan modul ini untuk penggunaan mereka semasa mengendalikan aktiviti air bersama Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Keyakinan dan Pengetahuan Guru Pendidikan Khas dalam mengendalikan aktiviti air kepada MBPK (Pembelajaran) pula merupakan pembolehubah bersandar dalam kajian ini dan kesan kepada keyakinan diri dan pengetahuan mereka selepas kajian ini dijalankan merupakan indikator sama ada hipotesis null kajian ini diterima atau ditolak.

Guru yang yakin dan berpengetahuan dalam mengendalikan aktiviti air akan dapat menjalankan aktiviti air kepada MBPK dengan lebih berkualiti, berkesan dan meningkatkan potensi diri MBPK ke peringkat maksimum. Kebolegunaan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas ini kepada Guru Pendidikan Khas amat penting bagi menjamin aktiviti air yang berobjektif, bermakna dan selamat kepada MBPK.

1.10.2 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (Pembelajaran)

Menurut Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), MBPK (Pembelajaran) bermaksud murid yang disahkan oleh para pengamal perubatan atau ahli audiologi atau ahli optik atau ahli psikologi yang berkhidmat dalam sektor kerajaan atau swasta bahawa murid tersebut mempunyai; ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran, atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan diatas dari perenggan a. hingga e.

Dalam konteks kajian ini, MBPK (Pembelajaran) merujuk kepada murid-MBPK (Pembelajaran) yang bermasalah pembelajaran dan belajar di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). MBPK (Pembelajaran) merupakan individu yang akan menjadi salah satu subjek dalam kajian ini iaitu Guru Pendidikan Khas akan mengimplementasikan modul yang dibangunkan ini kepada mereka sebagai pelanggan utama. Walaupun MBPK (Pembelajaran) bukan pembolehubah dalam kajian ini namun kajian pada masa akan datang boleh menggunakan mereka sebagai pembolehubah kajian kerana mereka adalah golongan yang akan mendapat manfaat melalui penggunaan modul ini.

1.10.3 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) pula bermaksud satu program pendidikan bagi MBPK (Pembelajaran) yang hanya dihadiri oleh MBPK (Pembelajaran) di kelas khas di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan (Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

1.10.4 Aktiviti Air

Aktiviti air merupakan satu aktiviti yang dijalankan di dalam kolam renang dan melibatkan pelbagai pergerakan serta kemahiran motor seseorang individu. Aktiviti air dalam konteks kajian ini ialah aktiviti yang dijalankan di dalam kolam renang yang melibatkan MBPK (Pembelajaran) termasuklah mengapungkan badan, mengutip mainan sambil menyelam dan bergerak dari satu tempat ke satu tempat di dalam air.

Dalam kajian ini, aktiviti air merupakan medium untuk modul ini diimplementasikan dimana modul ini akan dijalankan semasa aktiviti air berlangsung. Aktiviti air kerap dijalankan di Program Pendidikan Khas Integrasi namun aktiviti ini dijalankan tanpa panduan atau modul sebagai rujukan. Aktiviti air akan lebih berkesan apabila dijalankan dengan lebih tersusun dan terancang. Dalam aktiviti ko-kurikulum juga aktiviti air turut dijalankan seperti Kelab Renang namun kajian ini lebih bertumpu kepada PLBD-Renang/ Aktiviti Air.

1.10.5 Keyakinan Diri

Menelusuri dapatan sejarah, asal-usul perkataan “confidence” atau dalam Bahasa Melayu bermaksud “keyakinan”, merupakan perkataan yang berasal daripada perkataan Itali iaitu “fido” yang bermaksud kesetiaan dan “peitho” yang membawa maksud pujukan (Rotenstreich, 1972). Keyakinan diri boleh dibahagi kepada dua iaitu keyakinan diri umum dan keyakinan diri spesifik (Oney & Oksuzoglu-Guven, 2015).

Keyakinan diri spesifik muncul berdasarkan tingkah laku tertentu manakala keyakinan diri umum terbentuk hasil daripada penilaian keseluruhan tingkah laku, tindakan, pemikiran dan kebolehan seseorang berinteraksi. Kesimpulannya, keyakinan diri umum merupakan hasil gabungan pelbagai keyakinan diri spesifik berdasarkan penilaian dari beberapa keadaan tertentu (Oney & Oksuzoglu-Guven, 2015).

Dalam konteks kajian ini, keyakinan diri Guru Pendidikan Khas untuk mengendalikan aktiviti air selepas implementasi Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas merupakan tanda keberhasilan kajian. Keyakinan diri Guru Pendidikan Khas untuk mengendalikan aktiviti air telah diukur selepas mereka melalui tempoh implementasi modul dan menjalankan sesi praktikal dengan menggunakan modul keatas MBPK (Pembelajaran) yang mereka ajar semasa hari ketiga kursus dijalankan. Keyakinan diri GPK yang tinggi akan membantu MBPK (Pembelajaran) menjalani aktiviti air dengan lebih lancar, berkualiti dan selamat sekaligus meningkatkan keyakinan diri MBPK (Pembelajaran) semasa berada di air.

1.10.6 Pengetahuan

Pengetahuan merupakan sesuatu yang abstrak namun ianya adalah merupakan satu konsep yang utuh dan berkuasa dalam memangkin pembangunan sesuatu komuniti (Bolisani & Bratianu, 2018). Pengetahuan ditakrifkan sebagai kemahiran atau kepakaran yang dapat diperoleh oleh seseorang melalui pengalaman atau pendidikan (Carayannis & Campbell, 2019). Dalam konteks kajian ini, Guru Pendidikan Khas akan menggunakan Modul Aktiviti Air untuk Guru Pendidikan Khas semasa kajian dijalankan dan pengetahuan guru dalam mengendalikan aktiviti air kepada Murid Bekeperluan Khas adalah merupakan salah satu kayu ukur kejayaan kajian ini.

Tahap pengetahuan Guru Pendidikan Khas untuk mengendalikan aktiviti air telah diukur selepas mereka melalui tempoh implementasi modul dan menjalankan sesi praktikal dengan menggunakan modul keatas MBPK (Pembelajaran) yang mereka ajar semasa hari ketiga kursus dijalankan. Pengetahuan GPK yang tinggi dalam mengendalikan aktiviti air kepada MBPK (Pembelajaran) akan memberikan penyampaian aktiviti yang berkesan dan berkualiti sekaligus membantu menambah pengetahuan MBPK (Pembelajaran) juga semasa menjalankan aktiviti air.

1.10.7 Kebolegunaan Modul

Kebolegunaan Modul bermaksud kemampuan sesuatu modul itu dalam menjadi garis panduan dan rujukan kepada guru bagi menambahbaik kualiti pengajaran atau penerapan kemahiran baharu kepada murid (Nordin, 2021). Dalam konteks kajian ini, kebolegunaan Modul Aquaexplorers akan diukur melalui hasil dapatan soal selidik dan temubual kepada Guru Pendidikan Khas berkenaan kemampuan modul ini untuk membantu mereka dan menjadi panduan kepada mereka untuk menerapkan kemahiran air kepada MBPK (Pembelajaran). Kebolegunaan modul ini akan diukur dengan menganalisis jawapan soal selidik Guru Pendidikan Khas sama ada mereka bersetuju sama ada modul ini boleh digunakan dan tahap persetujuan mereka turut diukur.

1.10.8 Modul Aktiviti Air - Aquaexplorers

Modul Aktiviti Air - Aquaexplorers merupakan modul yang dibentuk berpandukan teknik analisis dokumen (Shariza,2017) iaitu berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian (DSKP) serta Model Halliwick dan juga kaedah tinjauan pakar (Ikart, 2019). Modul ini diberi nama Aquaexplorers dimana ‘Aqua’ bermaksud ‘air’, ‘laut’ atau ‘hujan’ dalam Bahasa Latin dan ‘Explorers’ pula

membawa maksud 'seseorang yang meneroka sesuatu yang baharu atau tempat yang tidak biasa untuknya' dalam Bahasa Inggeris.

Pengkaji memilih nama 'Aquaexplorers' sebagai nama modul ini kerana MBPK (Pembelajaran) akan dikendalikan oleh Guru Pendidikan Khas untuk menjalankan aktiviti meneroka potensi, kemampuan dan keupayaan diri mereka melalui aktiviti air di samping menikmati keseronokan meneroka tempat baharu untuk beraktiviti iaitu kolam renang. Melalui modul ini juga, MBPK (Pembelajaran) akan meneroka pelbagai kemahiran baharu di air dan pengkaji percaya bahawa nama modul ini amat sesuai digunakan bagi mewakili keseluruhan isi kandungan dan matlamat modul. Modul yang lengkap dan berobjektif ini akan membantu MBPK (Pembelajaran) menimba ilmu dan kemahiran di air dengan lebih mudah dan berkualiti.

1.11 Rumusan

Bab 1 dalam kajian ini memperihalkan pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, justifikasi keperluan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional kajian. Semua perkara penting yang menjadi asas kepada kajian ini seperti persoalan dan objektif kajian telah diterangkan secara terperinci dalam bab ini dan penggunaan-penggunaan perkataan atau istilah penting yang menjadi tonggak pemahaman kajian ini juga telah dijelaskan dengan mendalam dalam bab ini. Bagi bab seterusnya, pengkaji akan menyambung kesinambungan kajian dengan pelbagai kajian terdahulu yang juga menjadi asas pembentukan kajian ini dan pemboleh ubahnya.